

ODALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUANTAN

DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

RAYUAN JENAYAH NO: CA-42(R)(A)-1-01/2022

ANTARA

KHAIRUL AZIZI BIN AB AZIZ

...PERAYU

(NO. K/P : 670909-08-5513)

DAN

PENDAKWA RAYA

...RESPONDEN

ALASAN PENGHAKIMAN

PENGENALAN

1. Perayu/OKT telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan pada 11.01.2022 dengan dua pertuduhan di bawah Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009). Perayu telah mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut, memahami sifat dan akibat pertuduhan.



Sehubungan dengan itu, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara 3 bulan dan denda RM10,000.00 (jika gagal bayar 6 bulan penjara) bagi pertuduhan pertama dan juga penjara 3 bulan dan denda RM10,000.00 (jika gagal bayar 6 bulan penjara) bagi pertuduhan kedua.

2. Pada 15.01.2022, Perayu telah memfailkan Notis Rayuan terhadap sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.
3. Setelah menelitikan nota keterangan, alasan penghakiman dan setelah menimbangkan penghujahan kedua-dua pihak, Mahkamah ini mendapati dan memutuskan bahawa pengakuan bersalah oleh Perayu terhadap kedua-dua pertuduhan adalah tidak bersyarat dan Perayu juga memahami sifat dan akibat pengakuan di mana kedua-dua pertuduhan tersebut telah dibacakan dan diterangkan kepada Perayu di dalam Bahasa Malaysia. Dengan itu, rayuan Perayu atas sabitan dan hukuman adalah ditolak dan perintah Hakim Mahkamah Sesyen adalah dikekalkan.



FAKTA KES

4. Perayu telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan dengan dua pertuduhan di bawah Seksyen 23 ASPRM 2009. Kedua-dua pertuduhan telah dibacakan dan diterangkan kepada Perayu dalam Bahasa Malaysia yang mana pada ketika itu Perayu tidak punya peguam cara. Setelah kedua-dua pertuduhan tersebut dibacakan dan diterangkan kepada Perayu, beliau telah membuat pengakuan bersalah di mana pengakuan tersebut telah dibuat setelah memahami sifat dan akibat pengakuan bersalah tersebut.
5. Selanjutnya, pihak pendakwa raya telah mengemukakan Fakta Kes yang ditandakan sebagai ekshibit P2 yang mana telah dibacakan dan diterangkan kepada Perayu. Perayu mengakui akan kebenaran fakta kes tersebut yang telah dibacakan dan diterangkan kepada Perayu.
6. Seterusnya, pihak pendakwa raya mengemukakan ekshibit-ekshibit seperti berikut :
 - i. Borang Aduan No. Aduan KTN/RPTNO/0018/2021 – P3



- ii. Notis Tangkap Khairul Azizi bin Ab Aziz – P4
 - iii. Surat Perakuan tentang kedudukan dan jawatan yang dipegang oleh Khairul Azizi bin Ab Aziz – P5A
 - iv. Buku Perkhidmatan milik Khairul Azizi bin Ab Aziz – P5B
 - v. Maklumat Keluarga Khairul Azizi bin Ab Aziz dan Suraya binti Ali – P6A & P6B
 - vi. Surat Baucar Bayaran Tahunan Kewangan Tahun 2014, No. Baucar : KWK0030/14 – P7
 - vii. Surat Baucar Bayaran Tahunan Kewangan Tahun 2014, No. Baucar : KWK0190/14 – P8
 - viii. Maklumat perniagaan bagi Syarikat Sueazizi Enterprise No. Perniagaan CA0194678-K - P9
7. Kesemua ekshibit P3 hingga P9 telah ditunjukkan dan diterangkan kepada Perayu dan beliau mengakui kesemua ekshibit-ekshibit tersebut adalah betul.
8. Seterusnya, Mahkamah telah membuat keputusan bahawa Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan atas kedua-dua pertuduhan tersebut.



9. Setelah menimbangkan faktor-faktor mitigasi oleh pihak Perayu, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman ke atas Perayu bagi kedua-dua pertuduhan tersebut.

PERTIMBANGAN DAN DAPATAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN

10. Di dalam alasan penghakimannya, Hakim Mahkamah Sesyen telah menelitikan peruntukkan undang-undang bagi kesalahan di bawah Seksyen 23 ASPRM 2009 dan beliau telah merujuk kepada kes **PP v. Mohd Shobri bin Hassan [2018] 1 LNS 1885** dan juga kes **Ibrahim bin Ismail v. Pendakwa Raya [2017] MLJU 1493**. Hakim Mahkamah Sesyen telah berpuashati bahawa intipati kesalahan bagi Seksyen 23 ASPRM 2009 telahpun dipenuhi iaitu :

- a) OKT adalah pegawai badan awam pada ketika kejadian –
Ekshibit P5A
- Fakta ini tidak dipertikaikan oleh OKT malahan P5A adalah suatu bukti *prima facie* di bawah Seksyen 55(1) ASPRM 2009 (Akta 694)



b) OKT telah menggunakan jawatannya untuk membuat satu keputusan dengan mencadangkan syarikat milik isterinya iaitu syarikat Sueazizi Enterprise bagi :

- i. Tuntutan kerja-kerja bagi Perahu Layar/Latihan MSSP Fasa 4/2014 yang berjumlah RM1,200.00 pada Mac 2014 (Pertuduhan Pertama);
- ii. Tuntutan kerja-kerja bagi Program Perahu Layar Anjuran KPM yang berjumlah RM700.00 pada Disember 2014 (Pertuduhan Kedua)

Bagi kedua-dua kerja di atas, OKT sendiri telah mengakui benar pernyataan perenggan 1 dan perenggan 3 pada fakta kes P2 iaitu beliau sebagai Guru Penolong Kanan mencadangkan syarikat Sueazizi Enterprise, iaitu syarikat milik isteri beliau kepada Tuan Saripah Mariam binti S. Zain, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Cherating untuk tuntutan kedua-dua kerja yang dinyatakan tersebut. OKT turut mengakui fakta kes di perenggan 6 di P2 iaitu pemilihan syarikat Sueazizi Enterprise adalah atas



cadangan dan tindakan daripada beliau sendiri untuk mendapat kerja-kerja tersebut dan segala urusan berkaitan kerja-kerja yang telah diperolehi oleh syarikat Sueazizi Enterprise adalah diuruskan sepenuhnya oleh beliau.

- c) Syarikat milik isteri OKT iaitu Sueazizi Enterprise telah menerima bayaran berkaitan kedua-dua kerja di atas berjumlah RM1,900.00 sebagaimana ekshibit P7 dan P8 di Fakta Kes P2.

- 11. Oleh itu, Mahkamah mendapati bahawa segala elemen-elemen penting di bawah Seksyen 23 ASPRM 2009 bagi kedua-dua pertuduhan tersebut telahpun dipenuhi di mana fakta menunjukkan bahawa Perayu telah memainkan peranan dalam pemilihan syarikat Sueazizi Enterprise sebagai pembekal berkaitan kedua-dua kerja atau program adalah milik syarikat isteri Perayu dan ini adalah mencukupi sebagai pembuktian terhadap kedua-dua pertuduhan. Tambahan pula Perayu telah mengakui benar segala perenggan di Fakta Kes P2 tanpa sebarang syarat batasan atau had.



12. Setelah kedua-dua pertuduhan dibacakan dan diterangkan kepada Perayu, Perayu secara sucihati memahami kedua-dua pertuduhan tersebut dan juga memahami sifat dan akibat pengakuan bersalahnya itu. Tiada apa-apa pernyataan semasa prosiding di Mahkamah, Perayu tidak ada menyatakan atau menzahirkan apa-apa aduan tambahan atau apa-apa dorongan dan janji daripada mana-mana pihak atau Perayu dilihat dalam keadaan terkejut ataupun gundah sewaktu pertuduhan dibacakan kepadanya. Pada penglihatan dan pengamatan Mahkamah, Perayu adalah seorang yang normal dan waras pemikirannya sewaktu prosiding kes dijalankan walaupun pada ketika itu Perayu tidak diwakili oleh mana-mana peguam. Satu hal yang penting di dalam kes ini adalah Perayu merupakan seorang Guru Penolong Kanan sekolah kebangsaan yang mana sudah tentulah beliau fasih berbahasa Malaysia dan tahu akan makna pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan ke atasnya.
13. Mahkamah seterusnya telah mendengar rayuan mitigasi daripada Perayu yang menyatakan antara lain :



- i. Perayu telah mencapai umur 55 tahun dan telah berkhidmat selama 31 tahun di perkhidmatan Pendidikan;
 - ii. Isteri Perayu tidak bekerja dan adalah seorang surirumah sepenuh masa dan punya 2 orang anak yang sedang belajar di IPT; dan
 - iii. Kesalahan yang dilakukan ini berlaku pada tahun 2014 yang mana pada ketika itu beliau menjawat jawatan Guru Penolong Kanan Kokurikulum dan beliau tidak pernah mengikuti apa-apa kursus secara formal berkaitan dengan pengurusan kewangan kerajaan.
14. Semua murid-murid yang terlibat dalam sukan pelayaran ini adalah terdiri daripada murid-murid daripada daerah Rompin, Jerantut, Bentong, Kuantan dan daerah-daerah lain.
15. Perayu mengaku kelemahan belia pada masa itu dan dia tidak faham tentang tatacara pengurusan kewangan dan dia terlepas pandang dengan menggunakan akaun isteri bagi menyempurnakan program yang telah dirancang tersebut.



16. Dengan itu, beliau merayu agar diberi kemaafan dan juga dikurangkan denda dan hukuman yang bakal dikenakan.
17. Di dalam alasan penghakimannya, Hakim Mahkamah Sesyen telahpun menimbangkan faktor-faktor mitigasi tersebut. Namun begitu, Mahkamah tetap memberi penekanan kepada faktor kepentingan masyarakat atau kepentingan awam mengatasi kepentingan Perayu. Ini adalah kerana sewaktu kesalahan dilakukan, Perayu adalah seorang Guru Penolong Kanan Kokurikulum yang mana pada masa tersebut (2014), beliau telah berkhidmat selama 24 tahun dalam perkhidmatan pendidikan dan sudah tentulah Perayu sudah arif tentang tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya khususnya sebagai Ketua Jurulatih Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pelayaran Pahang. Namun begitu, kesalahan rasuah yang dilakukan oleh Perayu ini telah menyebabkan amanah yang telah diberikan tersebut dikhianati dan dimungkiri semata-mata atas kepentingan peribadi OKT sendiri.



18. Mahkamah merujuk kepada kes **PP v. Dato' Waad Mansor [2005] 1 CLJ 421** di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan antara lain :

“The offence of corruption, if unabated or undeterred, is more far-reaching in its consequences than the crimes of robbery, criminal breach of trust or rape. Thus, we feel that the sentences imposed for offences of corruption should be deterrent in nature so as to reflect the gravity of the offences.”

19. Adalah jelas bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telahpun mengambil kira serta mempertimbangkan secara berhati-hati segala rayuan peringanan atau mitigasi oleh Perayu dan setelah menimbang faktor-faktor tersebut, beliau telah menjatuhkan hukuman sepertimana yang telah dikenakan.

PERTIMBANGAN MAHKAMAH

20. Mahkamah telah merujuk kepada peruntukkan **Seksyen 305 Kanun Tatacara Jenayah** yang menyatakan seperti berikut :



“305. Apabila akuan salah mengehadkan hak rayuan.

Apabila seorang tertuduh mengaku salah dan telah disabitkan oleh Majistret terhadap akuan itu, maka tidak boleh dibuat sebarang rayuan kecuali berkenaan dengan berat atau sahnya hukuman itu.”

21. Seterusnya, peruntukkan **Seksyen 303A** yang memperuntukkan seperti berikut :

“303A. Rayuan daripada Mahkamah Sesyen

Apa juga rujukan dalam Bab ini kepada seorang Majistret dan sesuatu Mahkamah Majistret hendaklah disifatkan meliputi sesuatu rujukan kepada seorang Presiden Mahkamah Sesyen, atau sesuatu Mahkamah Sesyen, mengikuti mana-mana yang berkenaan; dan ungkapan “Majistret” dan “Mahkamah Majistret” hendaklah ditakrifkan sewajarnya.”

22. Seterusnyam Mahkamah telah merujuk kepada kes **Shaiful Azmi Sabri lwn. PP [2020] 10 CLJ 445** yang mana Mahkamah menyatakan bahawa :



“[15] Seksyen 305 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) mengatakan:

305. Apabila akuan salah menghadkan hak rayuan

Apabila seseorang mengaku salah dan telah disabitkan oleh seseorang Majistret terhadap akuan itu, maka tidak boleh dibuat sebarang rayuan kecuali berkenaan dengan berat atau sahnya hukuman itu.

[16] Jelasnya untuk kes di mana perayu telah disabitkan dengan kesalahan setelah mengaku bersalah, maka rayuan terhadap sabitan tidak boleh dilakukan. Rayuan hanya dihadkan kepada berat hukuman atau terhadap keesahan hukuman yang dikenakan.”

23. Seterusnya, Mahkamah telah merujuk kepada kes **Masni Yusoff v. PP [2019] 1 LNS 1984** di mana Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut :

“[11] Be that as it may, we are of the opinion that there is absolutely no merit in the appeal against conviction as the plea of guilty was correctly entered in accordance with the



law. We have carefully perused the notes of proceedings from the High Court. The appellant was represented by counsel. The charge which is drafted in the Malay Language was read to him. The notes of proceedings recorded that he understood the charge as well as the consequences of his plea. The maximum punishment for the offence is also stated at the bottom of the charge sheet. The appellant also admitted the brief facts of the case that was prepared in the Malay Language. In the premises, we are of the view that the appellant had entered an unqualified and unequivocal plea of guilty to the charge after having understood the nature of the charge and the consequences of the said plea.

[12] In the premises, as correctly submitted by the learned DPP, section 305 of the Criminal Procedure Code applies. The section provides that where accused person has pleaded guilty and has been convicted, there shall be no appeal except as to the extent or legality of the sentence.”

24. Berdasarkan kepada elemen-elemen kesalahan di bawah Seksyen 23 ASPRM 2009, Hakim Mahkamah Sesyen selaku



Hakim Bicara telah menimbangkan pengakuan bersalah Perayu yang telah dinyatakan di Mahkamah Terbuka sebagai satu keputusan yang tidak khilaf dan bersandarkan kepada prinsip undang-undang yang digunapakai dan juga melalui pemerhatian tingkahlaku Perayu semasa prosiding dijalankan.

25. Adalah jelas bahawa keseluruhan catatan nota keterangan dan juga alasan penghakiman yang telah dikemukakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen bagi prosiding tersebut adalah jelas dan nyata dan tiada apa-apa kekhilafan baik dari segi fakta mahupun undang-undang yang telah dilakukan oleh Hakim Mahkamah Sesyen tersebut.
26. Adalah jelas bahawa pertuduhan-pertuduhan telah dibacakan dan diterangkan kepada Perayu dalam Bahasa Malaysia yang mana sudah tentu sebagai seorang guru, beliau dapat memahami pertuduhan-pertuduhan tersebut. Oleh itu, Perayu telah membuat pengakuan bersalah secara sukarela dan tanpa bersyarat.
27. Perayu juga tiada menyatakan apa-apa fakta bahawa beliau diugut, didorong atau dijanjikan oleh mana-mana pihak di



Mahkamah sewaktu pertuduhan-pertuduhan dibacakan kepadanya. Jikalau benar beliau telah didorong, dijanjikan dan dipaksa oleh mana-mana pihak sewaktu pengakuan bersalah di buat di Mahkamah, sudah tentulah pengakuan bersalah tersebut akan ditolak dan Mahkamah akan memerintahkan supaya kes dibicarakan sepenuhnya.

28. Adalah jelas bahawa Perayu juga telah mengakui Fakta Kes (P2) dan ekshibit-ekshibit yang lain (P3 hingga P9) yang telah dikemukakan kepadanya dan ini menunjukkan bahawa Perayu sememangnya tahu akan kebenaran ekshibit tersebut.
29. Seterusnya, melalui faktor mitigasi yang telah dikemukakan kepada Mahkamah secara terperinci, jelas menunjukkan bahawa Perayu tahu akan penglibatan isterinya di mana akaun Sueazizi Enterprise digunakan bagi maksud pembayaran. Walaupun Perayu tidak mengikuti apa-apa kursus kewangan secara formal, sudah tentu dia tahu bahawa dia tidak boleh menggunakan apa-apa akaun yang berkaitan dengan keluarga terdekatnya apatah lagi akaun kepunyaan syarikat isterinya.



30. Berkaitan dengan hukuman, adalah jelas bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah mengambilkira faktor-faktor mitigasi dan juga faktor kepentingan awam sebelum menjatuhkan hukuman yang mana bagi Mahkamah hukuman tersebut adalah munasabah dan masih di dalam ruang lingkup Seksyen 23 ASPRM 2009.

KEPUTUSAN

31. Dengan itu, Mahkamah mendapati dan memutuskan bahawa rayuan Perayu adalah tidak bermerit dan dengan itu keputusan ke atas sabitan dan hukuman oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah dikekalkan.



ZAINAL AZMAN BIN AB AZIZ

HAKIM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA

KUANTAN, PAHANG

TARIKH : 05 OKTOBER 2022



S/N 2cg6RNLu4kG0sT1uyGFVQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Bagi Pihak Perayu :

Dato' Zufaidi bin Mohamad bersama Encik Mohd Radzi bin Yatiman dan

Cik Siti Ridha Fateha binti Razali

Tetuan Zufaidi & Associates

No. 10A, Tingkat 1 & 2, China Town

Jalan Putra Square 2, Putra Square

25200 Kuantan, Pahang

Bagi Pihak Responden :

Puan Siti Sarah binti Zainal Abidin

Timbalan Pendakwa Raya

Bahagian Perundangan & Pendakwaan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Kompleks SPRM Pahang

Peti Surat 6000, Bandar Indera Mahkota

25200 Kuantan, Pahang



S/N 2cg6RNLu4kG0sT1uyGFVQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal